

Nama:.....

Kelas: 5 ....



**SMK (L) METHODIST  
JALAN HANG JEBAT , KUALA LUMPUR**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019****1103/2****BAHASA MELAYU****Kertas 2****Julai** **$2\frac{1}{2}$  jam****Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

### Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang elemen penting membentuk remaja bersahsiah unggul dan kesan jika negara gagal melahirkan remaja bersahsiah unggul. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pencapaian remaja kini boleh dibanggakan kerana golongan ini berupaya untuk mencipta nama pada usia muda. Boleh dikatakan dalam setiap bidang pasti ada kejayaan yang dilakarkan oleh golongan remaja. Pujian harus diberikan kepada golongan remaja sebagai tanda sokongan dan galakan untuk mereka lebih menonjol. Namun kadang kala sikap mereka yang lebih berani, berwawasan, bercita-cita tinggi dan lantang bersuara perlu dibimbangi ekoran perkembangan dunia globalisasi kini yang kian memamah sahsiah remaja. Perkara tunjang yang perlu ada dalam membentuk sahsiah unggul mereka adalah dengan mendalamai ilmu akademik dan agama. Penguasaan ilmu akademik dan agama perlu diseimbangkan supaya remaja dapat membezakan antara kebaikan dan keburukan. Tuntutan agama harus *disemat sekemas-kemasnya* dalam sanubari mereka. Remaja wajar lebih dekat dengan ajaran agama dan menjadikan kitab-kitab agama seperti Al-Quran sebagai panduan dan petunjuk dalam melakukan sesuatu perkara.

Perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa juga merupakan perkara penting membentuk sahsiah unggul remaja. Kebanyakan remaja yang terjebak dalam masalah sosial kerana kurang mendapat perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa mereka. Remaja seperti ini akan melepaskan emosi mereka dengan melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan kadang kala membahayakan diri mereka. Selain itu, remaja juga perlu mempunyai ilmu pengetahuan tentang isu semasa. Hal ini dikatakan demikian kerana pengetahuan yang meluas amat penting sebagai bekalan remaja untuk meniti cabaran kehidupan sehari-hari. Remaja juga seharusnya memiliki nilai-nilai murni dalam jiwa di samping mengamalkan norma budaya Malaysia dalam tatacara kehidupan seperti menghormati orang tua, berbudi bahasa dan bersopan santun.

Pengaruh masyarakat sekeliling merupakan perkara yang tidak boleh dipandang enteng kerana golongan muda sentiasa menjadikan masyarakat luar sebagai contoh ikutan. Persekutaran yang selamat dan tidak terdedah kepada ancaman akan melahirkan keperibadian unggul remaja. Pemilihan rakan sebaya yang berakhhlak mulia akan membantu remaja menjadi seorang yang bersahsiah unggul. Hal ini demikian kerana remaja lebih cenderung untuk menghabiskan masa bersama-sama rakan sebaya berbanding bersama-sama keluarga disebabkan kurangnya perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa mereka. Rakan sebaya yang positif akan mempengaruhi seseorang untuk melakukan perkara yang positif dan begitu juga sebaliknya. Keperibadian unggul remaja dapat dikenal pasti sekiranya mereka mempunyai kemahiran dan kecekapan dalam melaksanakan sesuatu perkara. Hal ini menjadi elemen penting yang akan membezakan seorang remaja dengan remaja yang lain.

Remaja yang berperwatakan unggul juga ialah remaja yang mempunyai kematangan personaliti dalam melakukan sesuatu tindakan dan membuat keputusan. Kematangan remaja dapat diserahkan melalui perbuatan positif yang konsisten serta mempunyai emosi yang stabil pada setiap masa. Remaja perlu menjadikan pengalaman lalu sebagai ‘guru’ untuk mematangkan diri dan tidak melakukan kesilapan yang sama berulang kali. Golongan remaja perlu mempunyai wawasan atau cita-cita dalam hidup mereka sebagai pendorong membentuk sahsiah unggul dalam diri mereka. Sedarlah bahawa usia remaja ini boleh diibaratkan sebagai emas yang perlu dijaga dengan sebaik-baiknya. Jika remaja alpa, sudah tentunya emas itu akan hilang sekelip mata.

Dipetik dan diubah suai daripada  
 ‘Sahsiah Unggul Membentuk Personaliti Remaja’  
 Oleh Muhammad Farkhan Kamarolzaman  
*Dewan Siswa, Jun 2018*

**Soalan 2 : Pemahaman**

[35 markah]

**Soalan 2(a) – Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- i) Berikan maksud rangkai kata *disemat sekemas-kemasnya*. [2 markah]
- ii) Pengarang menyatakan bahawa terdapat beberapa kesan sekiranya remaja kurang mendapat kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa.  
Nyatakan kesan-kesan tersebut. [3 markah]
- iii) Kaunselor di sekolah merupakan individu penting dalam menyelami perasaan dan mendekati murid.  
Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh kaunselor di sekolah untuk membantu membentuk keperibadian unggul dalam kalangan murid. [4 markah]

**Soalan 2(b) Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kedua, bahasa ibunda yang menjadi wacana penghubung semua rakyat pelbagai keturunan dan golongan. Ketiga, ketaatan dan kepatuhan kepada raja yang memerintah dengan adil dan saksama. Saya cuba membandingkan antara sejarah silam dengan keadaan yang berlaku pada hari ini. Saya melihat betapa jauhnya jurang yang memisahkan antara dua peta waktu itu, baik daripada landskap politik, sosial masyarakat hingga acuan agama yang dianuti bangsa saya.

Setelah beberapa purnama tertangguh, akhirnya saya merasai sekelumit ilmu yang mengisi dada saya sudah mampu membolehkan saya berjuang sebagai warga sebuah kota besar yang agung itu. Kepada bonda, saya sampaikan hasrat untuk membina kehidupan yang lebih sempurna di ibu kota. Tanah desa halaman ini tidak lagi dapat menjanjikan masa depan yang lebih terurus.

Dipetik daripada cerpen ‘Munsyi’  
oleh Husna Hazri  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah fungsi bahasa ibunda berdasarkan pendapat Mel? [2 markah]
- (ii) Kehidupan di kota menyebabkan manusia sering terlibat dengan gejala yang tidak sihat. Pada pendapat anda, apakah perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh seorang remaja yang tinggal di kota supaya kehidupannya lebih bermanfaat? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan dan **satu** latar masyarakat lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

### Soalan 2(c) Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hatta maka hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun masuk mencuri pula sebuah rumah saudagar yang lain. Setelah sudah banyaklah ia beroleh harta, maka ia pun kembali pada tempatnya pula. Dengan demikian habislah segala harta saudagar yang kaya-kaya itu dicurinya. Maka segala saudagar dan orang kaya-kaya itu pun masuk menghadap raja berdatang sembah, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun, adapun patik sekalian ini habis kecurian tinggal sehelai sepinggang.”

Setelah baginda mendengar sembah orang itu, maka baginda pun terkejut seraya menamparnampar pahanya. Maka titah baginda, “Wah, datanglah pula bala atas negeriku! Baiknya ada Laksamana; jikalau Laksamana kuutuskan ke negeri orang, binasalah negeri ini.”

Maka baginda pun bertitah kepada Temenggung, “Hai Temenggung, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampungnya!” Maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkisah orang kaya-kaya dan saudagar berkawal pada kampungnya. Setelah hari malam, maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkawal, terlalu banyak dengan lembing perisai dan segala saudagar pun masing-masing berkawal pada kampungnya.

Sebermula maka Kertala Sari pun masuk ke dalam. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari orang berkawal terlalu banyak dengan alat senjatanya. Maka Kertala Sari pun *membaca pustakanya* lalu berjalan di tengah orang banyak itu, Maka ia pun pergi ke rumah orang kaya. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas itu lalu dibawanya kembali dan bini orang kaya-kaya itu dicabulinya. Maka ia pun kembali ke tempatnya.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud *membaca pustakanya*? [2 markah]
  
- (ii) Nyatakan reaksi dan tindakan-tindakan Temenggung selepas mendapat arahan daripada sultan? [3 markah]
  
- (iii) Kebijaksanaan seorang pemimpin akan memastikan keselamatan negara terjamin.  
Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri sebuah negara yang selamat? [3 markah]

### Soalan 2(d) Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

#### erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi  
malam sepi  
bagai kalung  
yang melingkari leherku  
tidak berubah keesokan hari  
siapa yang akan datang menjengukku  
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik  
kehijauan rumput  
hanya menjadi bayangan  
di penjuru ruang zaman  
cinta dalam rahim dilupai  
dari sulung ditendang ke bongsu  
dari angah ditendang ke sulung balik  
kucari erti hidup  
menderita mengerang sakit  
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka  
tiada makna  
anakku bakaku  
baik setia mahupun derhaka  
semoga disirami benih keinsafan  
menjadi penawar dalam hati  
embun cinta atasi angin dingin  
jangan terpegun  
ada yang mati  
ada yang hidup  
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

**TEO WEI SING**  
Antologi *Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan sajak tersebut, nyatakan pesanan penyajak kepada anak-anaknya? [2 markah]
- (ii) Ibu bapa tidak mengharapkan balasan atas segala pengorbanan terhadap anak-anak mereka.  
Apakah sumbangan yang dapat anda lakukan kepada ibu bapa untuk membalas jasa mereka?  
[3 markah]
- (iii) Huraikan gaya bahasa yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

**Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

(a) *Tulis dua ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) lapangan
- (ii) bekas
- (iii) alamat

[6 markah]

(b) *Cerakinkan ayat majmuk berikut kepada ayat tunggal.*

- (i) Ahli kelab robotik yang menyertai pertandingan robotik peringkat kebangsaan itu perlu melengkapkan borang pendaftaran sebelum pagi esok.
- (ii) Kehadiran ibu bapa pada hari akademik agak mendukacitakan pihak sekolah kerana kebanyakan pelajar tidak memaklumkan program tersebut kepada ibu bapa mereka.
- (iii) Pihak polis menyedari bahawa semua bahan bukti dalam kes pembunuhan itu telah dipalsukan.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula*

- (i) Lukisan mural yang terdapat pada dinding kedai di persekitaran kawasan Bukit Bintang itu menerapkan element flora dan fauna.
- (ii) Pembentukan sahsiah dan keperibadian murid menjadi tanggung jawab semua warga sekolah supaya mereka tidak tejebak dalam kegiatan yang tidak bermoral.
- (iii) Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, telah merasmikan istiadat membukakan mesyuarat pertama penggal pertama Parlimen Ke-14.

[6 markah]

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Longgokan sampah-sarap pada kawasan pesisir sungai itu masih belum dibersihkan oleh pihak berkuasa tempatan hingga mencacatkan pemandangan di kawasan sekitar.
- (ii) Pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah memilih dua puluh orang jurutera untuk melukis pembangunan pelan di sekitar kawasan Menara Warisan.
- (iii) Perkhidmatan penghantaran makanan yang popular di zaman sekarang telah memudahkan pengguna kerana mereka dapat mengurangkan masa.

[6 markah]

(e) Baca ayat dibawah ini dengan teliti, kemudian kemukakan peribahasa yang sesuai dengan ayat tersebut.

- (i) Pihak pemaju yang baru dilantik itu telah mengambil kesempatan dengan mengenakan caj baik pulih rumah yang mahal terhadap pembeli yang mengalami masalah rumah terbengkalai.
- (ii) Walaupun nasihat dan teguran sering diberikan oleh guru kepada tiga orang pelajar yang sering berbuat bising dan malas itu, tetapi mereka tidak menunjukkan perubahan.
- (iii) Setelah berjaya memperoleh ijazah pendidikan, Cikgu Razali kembali menabur bakti untuk mengajar murid-murid di sekolahnya yang dahulu.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel berikut:*

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara Karya Dayang
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohani Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

(a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** contoh peristiwa yang menunjukkan pengajaran berkaitan tanggungjawab yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 markah]

(b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda kaji,uraikan **satu** peristiwa yang memaparkan sikap-sikap terpuji dalam perwatakan watak utama bagi setiap novel tersebut. [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

Disediakan oleh :

Disemak oleh :

Disahkan oleh :

---

**(EN. KHAIRUL IZHAR B  
JAAFAR)**

---

**(CIK ROZANA BT HASHIM)  
Guru Kanan Bahasa**

---

**(EN. RAVI CHANDRAN A/L  
KRISHNAN)  
Pengetua**



SMK (L) METHODIST  
JALAN HANG JEBAT , KUALA LUMPUR

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2019**

**1103/2**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**Julai**

**2  $\frac{1}{2}$  jam**

**Dua jam tiga puluh minit**

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
5. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

[Lihat halaman sebelah]

**Peraturan Pemarkahan Peperiksaan Percubaan SPM 2019  
BAHASA MELAYU**

**SOALAN 1 : RUMUSAN**

**Pendahuluan**

Rumusan membincangkan **perkara / aspek** penting membentuk remaja bersahsiah unggul dan kesan jika negara gagal melahirkan remaja bersahsiah unggul

**Isi Tersurat**

- i. mendalami ilmu akademik dan agama.
- ii. Remaja wajar lebih dekat dengan ajaran agama dan menjadikan kitab-kitab agama seperti Al-Quran sebagai panduan dan petunjuk
- iii. perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa.
- iv. mempunyai ilmu pengetahuan tentang isu semasa.
- v. memiliki nilai-nilai murni dalam jiwa di samping mengamalkan norma budaya Malaysia dalam tatacara kehidupan .
- vi. persekitaran yang selamat dan tidak terdedah kepada ancaman.
- vii. pemilihan rakan sebaya yang berakhhlak mulia.
- viii. mempunyai kemahiran dan kecekapan dalam melaksanakan sesuatu perkara.
- ix. mempunyai kematangan personaliti dalam melakukan sesuatu tindakan dan membuat keputusan.
- x. golongan remaja perlu mempunyai wawasan atau cita-cita dalam hidup.

**Isi Tersirat**

- i. melahirkan generasi muda yan rosak / tidak berdaya saing / tidak bermoral
- ii. merosakkan padangan masyarakat terhadap golongan ini. / Masyarakat akan beranggapan bahawa golongan remaja merupakan golongan bermasalah.
- iii. Negara tidak menjadi produktif

*\*Jawapan lain diterima jika bersesuaian.*

**Kesimpulan**

Kesimpulannya, remaja perlu sentiasa mengamalkan tingkah laku terpuji pada setiap masa supaya / agar masyarakat yang berilmu dan bermoral dapat dilahirkan.

## Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

### Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- i) Berikan maksud rangkai kata *disemat sekemas-kemasnya*. [2 markah]  
..... **disimpan sebaik-baiknya**
- ii) Pengarang menyatakan bahawa terdapat beberapa kesan sekiranya remaja kurang mendapat kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa.  
Nyatakan kesan-kesan tersebut. [3 markah]
  - **Kebanyakan remaja yang terjebak dalam masalah sosial kerana kurang mendapat perhatian dan kasih sayang daripada ibu bapa mereka.**
  - **Remaja akan melepaskan emosi mereka dengan melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah dan kadang kala membahayakan diri mereka.**
- iii) Kaunselor di sekolah merupakan individu penting dalam menyelami perasaan dan mendekati murid.  
Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh kaunselor di sekolah untuk membantu membentuk keperibadian unggul dalam kalangan murid. [4 markah]
  - **Memberi bimbingan dan nasihat kepada murid supaya .....**
  - **Menjemput tokoh-tokoh hebat yang memiliki kejayaan dan sahsiah unggul**
  - **Memaparkan senarai murid yang memiliki sahsiah unggul di papan kenyataan atau majalah sekolah**
  - **Memilih murid yang bersahsiah unggul untuk dijadikan teladan kepada murid lain.**  
*\*Jawapan lain diterima jika bersesuaian*

### Soalan 2(b) Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Kedua, bahasa ibunda yang menjadi wacana penghubung semua rakyat pelbagai keturunan dan golongan. Ketiga, ketaatan dan kepatuhan kepada raja yang memerintah dengan adil dan saksama. Saya cuba membandingkan antara sejarah silam dengan keadaan yang berlaku pada hari ini. Saya melihat betapa jauhnya jurang yang memisahkan antara dua waktu itu, baik daripada landskap politik, sosial masyarakat hingga acuan agama yang dianuti bangsa saya.

Setelah beberapa purnama tertangguh, akhirnya saya merasai sekelumit ilmu yang mengisi dada saya sudah mampu membolehkan saya berjuang sebagai warga sebuah kota besar yang agung itu. Kepada bonda, saya sampaikan hasrat untuk membina kehidupan yang lebih sempurna di ibu kota. Tanah desa halaman ini tidak lagi dapat menjanjikan masa depan yang lebih terurus.

Dipetik daripada cerpen ‘Munsyi’  
oleh Husna Hazri  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Apakah fungsi bahasa ibunda berdasarkan pendapat Mel? [2 markah]  
**bahasa ibunda yang menjadi wacana penghubung semua rakyat pelbagai keturunan dan golongan**
- (ii) Kehidupan di kota menyebabkan manusia sering terlibat dengan gejala yang tidak sihat. Pada pendapat anda, apakah perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh seorang remaja yang tinggal di kota supaya kehidupannya lebih bermanfaat? [3 markah]
- Menghadiri kelas / kuliah agama di rumah ibadat
  - Memilih pekerjaan yang baik
  - Terlibat secara langsung / tidak langsung dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan / persatuan / sukarelawan.
  - Beriadah / bersukan bersama-sama rakan / keluarga
  - Bekerja / berniaga sambilan menjana pendapatan
  - \*Jawapan lain diterima jika bersesuaian
- (iii) Huraikan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam petikan dan **satu** latar masyarakat lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]
- Latar masyarakat dalam petikan**
- Masyarakat yang ingin hidup berdikari
  - Masyarakat yang patriotik
- Keseluruhan cerpen**
- Masyarakat yang mentaati / menghormati orang tua
  - Masyarakat yang berhemah tinggi

### Soalan 2(c) Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hatta maka hari pun malamlah. Maka Kertala Sari pun masuk mencuri pula sebuah rumah saudagar yang lain. Setelah sudah banyaklah ia beroleh harta, maka ia pun kembali pada tempatnya pula. Dengan demikian habislah segala harta saudagar yang kaya-kaya itu dicurinya. Maka segala saudagar dan orang kaya-kaya itu pun masuk menghadap raja berdatang sembah, “Ya tuanku, patik mohonkan ampun, adapun patik sekalian ini habis kecurian tinggal sehelai sepenggang.”

Setelah baginda mendengar sembah orang itu, maka baginda pun terkejut seraya menamparnampar pahanya. Maka titah baginda, “Wah, datanglah pula bala atas negeriku! Baiknya ada Laksamana; jikalau Laksamana kuutuskan ke negeri orang, binasalah negeri ini.”

Maka baginda pun bertitah kepada Temenggung, “Hai Temenggung, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampungnya!” Maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkisah orang kaya-kaya dan saudagar berkawal pada kampungnya. Setelah hari malam, maka Temenggung pun menyuruh orangnya berkawal, terlalu banyak dengan lembing perisai dan segala saudagar pun masing-masing berkawal pada kampungnya.

Sebermula maka Kertala Sari pun masuk ke dalam. Maka dilihatnya oleh Kertala Sari orang berkawal terlalu banyak dengan alat senjatanya. Maka Kertala Sari pun *membaca pustakanya* lalu berjalan di tengah orang banyak itu, Maka ia pun pergi ke rumah orang kaya. Maka dicurinya harta yang kemas-kemas itu lalu dibawanya kembali dan bini orang kaya-kaya itu dicabulinya. Maka ia pun kembali ke tempatnya.

Dipetik daripada ‘Kepimpinan Melalui Teladan’  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (iv) Berikan maksud *membaca pustakanya*? [2 markah]  
**Melafazkan / mengucapkan jampinya**
- (v) Nyatakan reaksi dan tindakan-tindakan Temenggung selepas mendapat arahan daripada sultan? [3 markah]
- **Temenggung pun menyuruh orangnya berkawal dilengkapi lembing perisai dan segala saudagar pun masing-masing berkawal pada kampungnya.**
  - **Temenggung pun menyuruh orangnya menyuruh orang kaya-kaya dan saudagar berkawal pada kampungnya**
- (vi) Kebijaksanaan seorang pemimpin akan memastikan keselamatan negara terjamin.  
 Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri sebuah negara yang selamat? [3 markah]
- **Kadar jenayah yang rendah**
  - **Rakyatnya hidup berdaulat / bebas**
  - **Tidak berlaku peperangan / pertelingkahan**
  - **Jumlah kedatangan pelancong / pelabur yang tinggi**
  - **Ekonomi yang stabil**
  - **Tiada pengawal keselamatan bersenjata berkawal di jalan raya / Bandar**
- \*Jawapan lain diterima jika bersesuaian*

**Soalan 2(d) Sajak**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**Erti Hidup Bererti**

Aku selalu didatangi  
malam sepi  
bagai kalung  
yang melingkari leherku  
tidak berubah keesokan hari  
siapa yang akan datang menjengukku  
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik  
kehijauan rumput  
hanya menjadi bayangan  
di penjuru ruang zaman  
cinta dalam rahim dilupai  
dari sulung ditendang ke bongsu  
dari angah ditendang ke sulung balik  
kucari erti hidup  
menderita mengerang sakit  
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka  
tiada makna  
anakku bakaku  
baik setia mahupun derhaka  
semoga disirami benih keinsafan  
menjadi penawar dalam hati  
embun cinta atasi angin dingin  
jangan terpegun  
ada yang mati  
ada yang hidup  
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

**TEO WEI SING**  
Antologi *Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan sajak tersebut, nyatakan pesanan penyajak kepada anak-anaknya? [2 markah]

**Jangan terlalu bangga diri**

**Kerana setiap yang hidup pasti akan mati dan hanya Tuhan yang kekal**

- (ii) Ibu bapa tidak mengharapkan balasan atas segala pengorbanan terhadap anak-anak mereka.  
Apakah sumbangan yang dapat anda lakukan kepada ibu bapa untuk membalas jasa mereka?

[3 markah]

- **Mendoakan kesejahteraan dan kesihatan yang baik.**
  - **Menjaga mereka apabila mereka tua.**
  - **Berusaha mencapai kejayaan dan mendapat keputusan yang cemerlang**
- \*Jawapan lain diterima jika bersesuaian

- (iii) Huraikan gaya bahasa yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

- **Anafora** - perkataan ‘ada yang’ rangkap ketiga baris 9 dan 10
- **Imej alam** – malam / tasik / rumput / angin
- **Responsi** - perkataan ditendang ke rangkap kedua, baris 6 dan 7
- **Metafora** – benih keinsafan / embun cinta
- **Personifikasi** – malam sepi
- **Simile** – bagai kalung
- **Sinkope** - ku / jika calon menulis ‘anakk’ / ‘bakaku’ / ‘menjengukku’ / ‘leherku’ - perlu garis pada ‘ku’

### Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

- (a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan dan menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

(i) Lapangan

- **kawasan atau tempat yg lapang**
- **jurusan atau bidang (sesuatu pelajaran, pekerjaan dll)**

(ii) bekas

- **tanda-tanda yg ditinggalkan, kesan**
- **dahulunya (sekarang tidak lagi), pernah menjadi**
- **akibat (drpd sesuatu)**
- **tempat menyimpan**

(iii) alamat

- **butir-butir keterangan spt nama tempat, nama jalan, nombor rumah, poskad utk menunjukkan tempat tinggal seseorang**
- **sesuatu yg menjadi tanda akan berlakunya sesuatu; tanda / menandakan bahawa sesuatu kejadian dll yg baik atau buruk**

(b) Cerakinkan ayat majmuk berikut kepada ayat tunggal.

- (i) Ahli kelab robotik yang menyertai pertandingan robotik peringkat kebangsaan itu perlu melengkapkan borang pendaftaran sebelum pagi esok.

**Ahli kelab robotik itu menyertai pertandingan robotik peringkat kebangsaan.**

**Ahli kelab robotik perlu melengkapkan borang pendaftaran sebelum pagi esok.**

- (ii) Kehadiran ibu bapa semasa hari akademik agak mendukacitakan pihak sekolah kerana kebanyakan pelajar tidak memaklumkan program tersebut kepada ibu bapa mereka.

**Kehadiran ibu bapa semasa hari akademik agak mendukacitakan pihak sekolah.**

**Kebanyakan pelajar tidak memaklumkan program tersebut kepada ibu bapa mereka.**

- (iii) Pihak polis menyedari bahawa semua bukti dalam kes pembunuhan itu telah dipalsukan.

**Pihak polis menyedari sesuatu**

**Semua bukti dalam kes pembunuhan itu telah dipalsukan.**

(c) Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan**.

Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula

- (i) Lukisan mural yang terdapat pada dinding kedai di persekitaran kawasan Bukit Bintang itu menerapkan element flora dan fauna.

**element - elemen**

**persekitaran - sekitar**

- (ii) Pembentukan sahsiah dan keperibadian murid menjadi tanggung jawab semua warga sekolah supaya mereka tidak tejebak dalam kegiatan yang tidak bermoral.

**tanggung jawab -tanggungjawab**

**tejebak - terjebak**

- (iii) Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, telah merasmikan istiadat membukakan mesyuarat penggal pertama Parlimen Ke-14.

**DiPertuan – di-Pertuan**

**membukakan - pembukaan**

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Longgokan sampah-sarap pada kawasan pesisir sungai itu masih belum dibersihkan oleh pihak berkuasa tempatan hingga mencacatkan pemandangan di kawasan sekitar.  
**pada – di**  
**pesisir – muara / lembangan**
- (ii) Pihak Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah memilih dua puluh orang jurutera untuk melukis pembangunan pelan di sekitar kawasan Menara Warisan.  
**Pembangunan pelan – pelan pembangunan**  
**Jurutera - arkitek**
- (iii) Perkhidmatan penghantaran makanan yang popular di zaman sekarang telah memudahkan pengguna kerana mereka dapat mengurangkan masa.  
**di – pada**  
**mengurangkan – menjimatkan**

(e) Baca ayat dibawah ini dengan teliti, kemudian kemukakan peribahasa yang sesuai dengan ayat tersebut.

- (i) Pihak pemaju yang baru dilantik itu telah mengambil kesempatan dengan mengenakancaj baik pulih rumah yang mahal terhadap pembeli yang mengalami masalah rumah terbengkalai.  
**Menangguk di air keruh**  
**Menahan lukah di pergentingan**
- (ii) Walaupun nasihat dan teguran sering diberikan oleh guru kepada tiga orang pelajar yang sering bising dan malas itu, tetapi mereka tidak menunjukkan perubahan.  
**Masuk ke telinga kanan, keluar ke telinga kiri.**  
**Mencurah garam ke laut**
- (iii) Setelah berjaya memperoleh ijazah pendidikan, Cikgu Razali kembali menabur bakti untuk mengajar murid-murid di sekolahnya dahulu.  
**Setinggi-tinggi terbang bangau, hinggap di belakang kerbau juga.**  
**Sirih pulang ke gagang.**  
**Ikan pulang ke lubuk.**  
**Belut pulang ke lumpur.**

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel berikut:*

- (i) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara Karya Dayang
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Rohani Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- (a) Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** contoh peristiwa yang menunjukkan persoalan tanggungjawab yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]

**Novel Leftenan Adnan****Kita hendaklah/mestilah bertanggungjawab mempertahankan negara.**

Adnan meminta rakan-rakannya berundur dari kubu mereka di Bukit Candu kerana mereka kehabisan peluru. Adnan berjuang berhabis-habisan untuk mempertahankan Bukit Candu hingga ke titisan darah terakhir – hanya menggunakan bayonet untuk berlawan dengan askar Jepun

**Kita hendaklah/mestilahberanggungjawab memberi pendidikan kepada keluarga**

Pak Saidi dan Mak Milah telah bertanggungjawab untuk menghantar Adnan dan adik-adiknya belajar di sekolah Inggeris bagi memastikan mereka memperoleh ilmu yang lebih baik. Pak Saidi bertanggungjawab untuk menghantar Adnan pada setiap pagi ke Sekolah Inggeris Sungai Ramal walaupun jarak yang jauh

**Kita hendaklah/mestilahbertanggungjawab sebagai ketua keluarga**

- Pak Saidi telah memberi kata-kata semangat ketika Adnan ingin menyertai pertandingan pidati Bahasa Inggeri
- Pak Saidi dan Mak Milah telah bertanggungjawab untuk menghantar Adnan dan adik-adiknya belajar di sekolah Inggeris bagi memastikan mereka memperoleh ilmu yang lebih baik. Pak Saidi bertanggungjawab untuk menghantar Adnan pada setiap pagi ke Sekolah Inggeris Sungai Ramal walaupun jarak yang jauh
- Adnan bertanggungjawab menghantar isteri dan anak-anaknya pulang ke kampong apabila mengetahui tentera Jepun menghampiri Tanah Melayu

**Kita hendaklah/mestilah bertanggungjawab menyelesaikan masalah penduduk**

Tok Ketua telah bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah orang kampong yang tidak bersetuju dengan tindakan Pak Saidi yang menghantar Adnan ke Sekolah Inggeris dan menuduh Pak Saidi seorang yang murtad. Tok ketua bertindak bijak dengan mendengar aduan dan jawapan daripada kedua-dua pihak.

**Kita hendaklah/mestilah bertanggungjawab untuk berkongsi ilmu yang diperoleh**

- Pak Saidi sering ke Warung Pak Samad. Tujuannya kerana dia berasa bertanggungjawab untuk berkongsi apa-apa yang dibacanya terutama hasil penulisan Syed Sheikh Al-Hadi
- Adnan juga berkongsi untuk mengajar Bahasa Inggeri kepada pelajar di sekolah Sungai Ramal – mengajar rakan-rakannya Bahasa Inggeris ketika di Kem Tentera Heig Lines.

**Novel Tirani**

**Kita hendaklah/mestilah bertanggungjawab menguruskan perniagaan**

Waheeda dan ahli keluarganya bertanggungjawab menaikkan nama Tajau Emas – melakukan pelbagai program untuk menarik pelancong datang Emas.

**Kita hendaklah/mestilah bertanggungjawab mengekalkan hubungan kekeluargaan / suami isteri**

Waheeda berusaha untuk mempertahankan hubungannya dengan Zahid – melakukan ujian DNA untuk membuktikan Izzati ialah anak Zahid

**Kita hendaklah/mestilah bertanggungjawab melaksanakan tugas yang diamanahkan**

Waheeda melaksanakan amanah untuk menyiapkan brosur yang diamanahkan oleh Halloway / Waheeda juga telah membantu dalam membawa Tarian Etnik Sarawak ke Flamingo De La Rosa

**Kita hendaklah/mestilah bertanggungjawab membantu keluarga dalam perniagaan**

Ghazi sanggup untuk berhenti bekerja dengan Syarikat Petronas semata-mata ingin membantu Waheeda menguruskan Tajau Emas semasa Waheeda berasa di Singapura.

**Kita hendaklah bertanggungjawab menguruskan keluarga**

Setelah berkahwin, setiap pagi Waheeda akan bangun awal dan membantu ibunya untuk menyiapkan sarapan sebelum ke Tajau Emas untuk menguruskan perniagaannya, setelah itu Waheeda akan ke Seri Gading untuk membantu bapa mentuannya. Waheeda juga bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan yang sempurna kepada Izzati

- (b) Berdasarkan sebuah buah novel yang anda kaji, huraikan **satu** peristiwa yang memaparkan sikap-sikap terpuji dalam perwatakan watak utama bagi setiap novel tersebut. [8 markah]

**Perwatakan / sikap-sikap terpuji**

**Novel Leftenan Adnan**

**Seorang yang patriotik / Seorang yang cinta akan negara**

Adnan meminta rakan-rakannya berundur dari kubu mereka di Bukit Candu kerana mereka kehabisan peluru. Adnan berjuang berhabis-habisan untuk mempertahankan Bukit Candu hingga ke titisan darah terakhir – hanya menggunakan bayonet untuk berlawan dengan askar Jepun

**Seorang yang taat / patuh**

Taat kepada ibu bapanya yang menjodohkannya dengan Sofia tanpa pangetahuannya.

**Seorang yang bertanggungjawab**

Adnan bertanggungjawab untuk menghantar keluarganya pulang ke kampong setelah mengetahui Jepun telah menghampir Tanah Melayu. Adnan juga bertanggungjawab mengarahkan askar-askarnya membina kubu di Bukit Candu setelah mengetahui orang kampong Bukit Candu tidak melakukan sebarang persiapan menentang Jepun.

**Seorang yang tabah**

Adnan tabah menerima ketentuan Tuhan apabila bayi perempuannya yang baru lahir meninggal dunia.

**Seorang yang rajin**

Adnan rajin membantu bapanya ke kebun getah pada setiap pagi walaupun pada ketika itu dia baru berumur 10 tahun. – Adnan juga rajin berlatih sebelum pertandingan pidato B. Inggeris

**Seorang yang berani**

- Adnan meminta rakan-rakannya berundur dari kubu mereka di Bukit Candu kerana mereka kehabisan peluru. Adnan berani berjuang berhabis-habisan untuk mempertahankan Bukit Candu hingga ke titisan darah terakhir – hanya menggunakan bayonet untuk berlawan dengan askar Jepun dengan berani.
- Adnan juga berani mengikuti Pak Saidi untuk turun ke bawah rumah pada waktu malam setelah mengesan suatu bunyi dari bawah rumahnya.

**Seorang yang bijak**

Adnan bijak mengesan tipu muslihat pihak Jepun yang berpakaian seperti askar Punjabi. Adnan bijak mengesan tipu muslihat tersebut melalui saiz tubuh, cara berjalan dan jenis senjata

**Seorang yang berkeyakinan tinggi**

Berkeyakinan tinggi untuk menyertai pertandingan pidato Bahasa Inggeris – Keyakinan Adnan menyebabkan rakan-rakannya yang lain turut menyertai pertandingan tersebut – Adnan memenangi pertandingan tersebut.

**Seorang yang penyayang**

Adnan bertanggungjawab untuk menghantar keluarganya pulang ke kampong setelah mengetahui Jepun telah menghampir Tanah Melayu

**Novel Tirani****Seorang yang penyayang**

- Waheeda menyayang Izzati - memastikan Izzati mendapat perhatian dan pendidikan yang terbaik kerana dia terpaksa berkorban untuk membesarluarkan Izzati tanpa suami
- Waheeda juga amat menyayangi Zahid – dia cuba untuk memastikan perkahwinannya berkekalan dengan membuat ujian DNA untuk memastikan Zahid menerima Izzati

**Seorang yang tabah**

- Waheeda tabah membesarluarkan Izzati walaupun tanpa seorang suami.
- Waheeda juga tabah apabila di ditinggalkan oleh Zahid. Tabah mendapatkan sesi kaunseling bagi memulihkan dirinya di Pusat Perubatan Islam Hospital Pusrawi

**Seorang yang penyabar**

Waheeda terpaksa bersabar dengan sikap cemburu Zahid yang melampau

**Seorang yang berdikari**

- Waheeda ingin menguruskan perniagaannya sendiri walaupun diminta oleh Zahid dan Datuk Yaseer untuk menggabungkan Tajau Emas dengan Seri Gading.
- Waheeda berdikari dengan dating ke Singapura seorang diri
- Waheeda berdikari menguasahkan perniagaan 2 buah Chelet

**Seorang yang berani**

Waheeda seorang yang berani menanggung risiko – membuat pinjaman bank untuk membeli chalet Iwana Iwani yang hampir muflis daripada Pakcik Aziz.

**Seorang yang rasional**

Waheeda membuat keputusan untuk bertemu dengan rakannya Nurjihan bagi membuat ujian DNA - Ujian ini dilakukan untuk membuktikan bahawa Izzati ialah anak kandung Zahid.

**Seorang yang taat**

Mengambil keputusan menerima nasihat ibu bapanya untuk tidak melakukan pembedahan untuk wajahnya setelah sedar tindakannya telah tertulis dalam surah Taha ayat 118.

**Seorang yang rajin**

Setelah berkahwin, setiap pagi Waheeda akan bangun awal untuk membantu ibunya menyiapkan sarapan, kemudian dia akan ke Tajau Emas untuk melaksanakan tugasnya sebagai pengurus dan kemudian dia akan ke Seri Gading bagi membantu bapa mentuanya terutama membantu perjalanan program-program seperti persidangan antarabangsa.